

# Lawatan PM ke Jepun lambang keakraban dua negara



**Veena Rusli**  
veena2bh.com.my

> Tokyo, Jepun

Lawatan kerja tiga hari Tun Dr Mahathir Mohamad ke Jepun bermula hari ini, adalah gambaran dinamisme hubungan dua hala kedua-dua negara sejak sekian lama.

Duta Besar Malaysia ke Jepun, Datuk Kennedy Jawan, berkata lawatan kerja Perdana Menteri kali ini iaitu yang keempat selepas mengambil alih tampuk pemerintahan Mei tahun lalu, membawa bersama keakraban hubungan yang amat signifikan.

Katanya, paling menjadi tumpuan ialah kehadiran Dr Mahathir pada Persidangan Nikkei ke-25 bagi menyampaikan ucap-tama dan mengadakan dialog bersama peserta, esok.

"Ini adalah kali ke-21 beliau menghadiri Persidangan Nikkei se-

jak diadakan pada 1995 dan semestinya ramai yang mahu mendengar pandangan Dr Mahathir mengenai pelbagai topik dan isu, khususnya menyentuh kepentingan bersama global.

Kennedy berkata demikian pada sidang media bersama wartawan Malaysia di Imperial Hotel di sini, semalam.

Perdana Menteri dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba di Tokyo malam ini.

## **Hadiri majlis Dialog Perniagaan Malaysia-Jepun**

Turut mengiringi ialah Timbalan Menteri Luar, Datuk Marzuki Yahya dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Kennedy berkata, Dr Mahathir dijadual menghadiri majlis Dialog Perniagaan Malaysia-Jepun bersama lebih 20 penggerak industri tempatan dan menyampaikan ucapan bertajuk 'Situasi Semasa Malaysia dan Jangkaan Pelaburan dari Jepun'.

Katanya, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan di Kelab Koresponden Asing Jepun (FCCJ)



Selain sektor tradisi seperti pembuatan dan automotif, Jepun menzahirkan minat untuk meneroka pelbagai cabang baharu yang mencetuskan sentimen positif daripada segi pelaburan"

**Kennedy Jawan,**  
*Duta Besar Malaysia ke Jepun*

sebelum diraikan dalam majlis makan malam sempena Persidangan Nikkei yang bakal dihadiri rakan sejawatannya, Shinzo Abe.

Lawatan Dr Mahathir akan diakhiri dengan mesyuarat bilateral bersama Abe di pejabat Perdana Menteri Jepun itu pada Jumaat ini.

Kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan perkembangan isu semasa dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kennedy berkata, hubungan baik dua negara ini diperkukuhkan dengan kejayaan Malaysia menerbitkan Bon Samurai dengan jaminan Japan Bank for International Cooperation (JBIC) bernilai 200 bilion yen (RM7.3 bilion), baru-baru ini.

"Selain sektor tradisi seperti pembuatan dan automotif, Jepun menzahirkan minat untuk meneroka pelbagai cabang baharu yang mencetuskan sentimen positif daripada segi pelaburan," katanya.

Jepun adalah rakan kongsi perdagangan keempat terbesar Malaysia tahun lalu, dengan jumlah

perdagangan RM132.57 bilion (AS\$32.86 bilion) manakala Malaysia adalah rakan kongsi perdagangan ke-14 Jepun, dan kelima dalam kalangan anggota ASEAN selepas Thailand, Vietnam, Indonesia dan Singapura.

Jepun tersenarai sebagai antara pelabur asing terbesar di Malaysia dan setakat Disember tahun lalu, sektor pembuatan menyaksikan 2,661 projek perkilangan dilaksanakan dengan penyertaan Jepun, membabitkan pelaburan bernilai RM84.2 bilion.

Kennedy berkata, usaha giat digerakkan ke arah menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dan Jepun ke Malaysia, merangkumi sektor sedia ada dan ruang baharu.

"Aspek pendidikan turut diberi perhatian dengan lebih 3,500 pelajar Malaysia mengikuti pengajian di Jepun ketika ini, di samping merencanakan lagi sektor pelancongan.

"Kestabilan politik Malaysia banyak menyumbang ke arah hubungan bilateral yang lebih kukuh," katanya.